

**NO. SOALAN: 386**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Jabatan Perdana Menteri mendidik, serta memberi amaran kepada masyarakat tentang bahaya penglibatan dengan golongan pengganas seperti IS dan memastikan dalam masa yang sama supaya Agama Islam ini tidak dicemari dengan dilabelkan pengganas.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memberikan penerangan tentang IS, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Penjelasan Konsep Jihad Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan dianggotai oleh

wakil daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri, Majlis Agama Islam Negeri /Jabatan Agama Islam Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, Polis DiRaja Malaysia; dan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

Dalam aspek pelaksanaan program, telah dipersetujui bahawa program akan dilaksanakan melalui kaedah *NBOS* yakni JAKIM akan bersama-sama agensi-agensi yang berkaitan turut serta dan memberikan penjelasan mengikut bidang dan kepakaran agensi masing-masing dan dipohon mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan program-program penerangan masing-masing. Pelaksanaan dan pencapaian Program Penjelasan Konsep Jihad yang telah dilaksanakan bermula Januari 2015 hingga 25 Disember 2015 seperti berikut :

#### **1. Program Penerangan Bersemuka:-**

- i. Merangkumi program seperti seminar, taklimat, ceramah dan forum. Ini termasuk khutbah Jumaat (sasaran sebulan sekali akan dibaca khutbah berkaitan pengertian jihad dan ancaman IS.
- ii. Sebanyak **101 program** dan aktiviti telah dilaksanakan dengan pencapaian sasaran sebanyak **432,732 orang**.

## **2. Program Penerangan Melalui Media Massa (Radio dan TV):**

- i. Program dilaksanakan melalui penerbitan program radio dan TV RTM, TV al-Hijrah, IKIM FM dan al-Jazeera Channel.
- ii. Sebanyak **20 siri program TV** dan **6 program Radio** disiarkan dengan anggaran pencapaian sasaran pendengar dan penonton sebanyak **8.6 juta orang** berdasarkan laporan rating yang dikeluarkan oleh pihak AC Nielsen.

## **3. Program Penerangan Melalui Media Cetak dan Baru :**

- i. Program dilaksanakan secara penerbitan artikel, temu bual, dan laporan berita melalui pelbagai akhbar harian, FB dan web (laman berita online).
- ii. Sebanyak **9 penulisan / penerbitan artikel**, temubual dan laporan berita yang diterbitkan melalui pelbagai akhbar harian.
- iii. Manakala sebanyak **7 penerbitan artikel**, temubual dan laporan berita yang dibuat melalui **media baru** seperti FB dan web.

Sasaran program-program penerangan ini merangkumi penjawat awam persekutuan dan negeri, imam-imam, pegawai takmir, guru KAFA, pemimpin pelajar, pelajar IPTA/IPTS, kakitangan swasta, NGOs, GLCs,

pensyarah university, pengerusi JKKK, guru-guru pondok dan ahli Majlis Professor Negara.

JAKIM juga turut memainkan peranan dalam program pemulihan dan kesedaran kepada tahanan penjara yang ditahan atas kesalahan terlibat dengan kumpulan militan IS. Beberapa orang pegawai kanan JAKIM telah dihantar sebagai penceramah / kaunselor ke program pemulihan tersebut atas jemputan pihak Jabatan Penjara Malaysia.

Sekian, terima kasih.